



## **UNDANG UNDANG NEGERI TERENGGANU**

**BIL. 1/2003 ENAKMEN PENTADBIRAN HAL  
EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU)  
(PINDAAN) 2003**

**A5 ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM (TERENGGANU) (PINDAAN)  
2008**

**A28 ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM (TERENGGANU)(PINDAAN)  
2012**

Tr. P.U. 11.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2003  
(En. Tr. 1/2003)

PENETAPAN TARikh PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Subseksyen 1 (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2003, [En. Tr. 1/2003], Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan 27 Oktober 2003 sebagai tarikh Enakmen itu hendaklah mula berkuat kuasa.

Dengan Titah Perintah,

Bertarikh 23 Oktober 2003.  
[SUK. TR. 700/263;  
PUN. TR. (S) 15/34 Bhg. 3.]

DATO' SERI TUAN GURU  
HAI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,  
*Yang Amat Berhormat Menteri Besar,*  
*Terengganu*

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
(TERENGGANU) (AMENDMENT) ENACTMENT 2003  
(Tr. En. 1/2003)

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

In exercise of the powers conferred by Subsection 1 (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) (Amendment) Enactment 2003, [Tr. En. 1/2003], His Royal Highness the Sultan appoints 27 October 2003 as the date on which the Enactment shall come into operation.

By Command,

Dated 23 October 2003.  
[SUK. TR. 700/263;  
PUN. TR. (S) 15/34 Bhg. 3.]

DATO' SERI TUAN GURU  
HAI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,  
*Yang Amat Berhormat Menteri Besar,*  
*Terengganu*

Tr. P.U. 12.

ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN  
TRENGGANU (BAB YANG PERTAMA) (PINDAAN) 2003  
(En. Tr. 2/2003)

PENETAPAN TARikh PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Subseksyen 1 (2) Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Trengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2003, [En. Tr. 2/2003], Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan 27 Oktober 2003 sebagai tarikh Enakmen itu hendaklah mula berkuat kuasa.

Dengan Titah Perintah,

Bertarikh 23 Oktober 2003.  
[SUK. TR. 700/263;  
PUN. TR. (S) 15/34 Bhg. 3.]

DATO' SERI TUAN GURU  
HAI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,  
*Yang Amat Berhormat Menteri Besar,*  
*Terengganu*



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 56  
Bil. 15

17hb Julai 2003

TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN

Enakmen-Enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Terengganu pada 24 April 2003 adalah diisytiharkan untuk pengetahuan Am:

Enakmen Bil.	Tajuk Ringkas	Muka
1.	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2003	3
2.	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Trengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2003	9
3.	Enakmen Perbekalan Tambahan (2003) (No. 1) 2003 ...	21

اینکمین ۲ یع برایکوہ یع تله دلولوسکن اولیه دیوان اونداغن نگری،  
ترغکانو قد 24 افریل 2003 اداله داشتھارکن اونتوق فتعھوان عام:

موک	ناجوق ریغکس	اینکمین پیلاغن
5	اینکمین فتدیران حال احوال اکام اسلام (ترغکانو) (قیندان) 2003	1.
13	اینکمین اوندغ ۲ باگی دیری کراجاہن ترغکانو (باب یغفرنام) (قیندان) 2003	2.
23	اینکمین فربکلن تمباهن 2003 (No. 1) 2003	3.

NEGERI TERENGGANU  
ENAKMEN BIL. 1 TAHUN 2003

3

BETA BERSETUJU,



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
*Sultan Terengganu*  
8-7-2003

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2003.  
(2) Enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En. Tr. 2/2001*], yang disebut sebagai "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini adalah dipinda seperti berikut:

- (a) Definisi "Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah" dan "Pegawai Penguatkuasa Syariah" adalah dipinda dengan menambahkan perkataan "dan seksyen 56 (1A)" di hujung definisi tersebut.

**Pindaan seksyen 56**

3. Seksyen 56 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menambahkan subseksyen baru (1A) seperti berikut:

- (1A) "Walau apa pun yang diperuntukkan di dalam subseksyen (1), Majlis boleh, jika perlu, melantik mana-mana orang sebagai Pegawai Penguatkuasa Syariah untuk menjalankan tangkapan tetapi pegawai tersebut tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam."

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 24 April 2003.

[MB. TR. (S) 6/60 Bhg. 10; PUN. TR. 15/100.]

WAN MOHD. RUBI BIN WAN JUSOH,  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri,*  
*Terengganu*